Dana Pulangan Terjamin Allianz Life (“Dana Pulangan Terjamin”) yang bermula pada 13 Julai 2006, adalah produk berkaitan pelaburan perlindungan modal 5 tahun melalui pelaburan di dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap. Pelaburan ini menawarkan pulangan terjamin 5% setahun serta perlindungan modal 100% jika dipegang sehingga tempoh matang.

Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life (“Dana Asia Multi-IncomePLUS”) yang bermula pada 4 Jun 2007, adalah pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur di dalam dana sandaran yang didenominasikan dalam mata wang Dolar AS, iaitu Dana AllianzGI Asia Multi-IncomePLUS. Dana ini bertujuan untuk mencapai aliran

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

1. Kegiatan utama (sambungan)

pendapatan yang stabil dan potensi pertambahan nilai modal dengan melabur terutamanya di dalam instrumen yang didenominasikan dalam mata wang tempatan Asia termasuk instrumen berfaedah, kuasi-sekuriti-pendapatan tetap dan bon-bon boleh ubah dan boleh tukar.

Dana Capital Protected II Allianz Life (“Dana Capital Protected II”) yang bermula pada 9 Oktober 2007, adalah pelan berkaitan pelaburan tertutup premium tunggal bertempoh matang 5 tahun dengan perlindungan modal pada tempoh matang polisi.

Dana Bon Induk Allianz Life (“Dana Bon Induk”) yang bermula pada 2 Jun 2008, merupakan sebuah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan peluang untuk pertambahan nilai modal yang sederhana dengan melabur terutamanya di dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap di dalam pasaran bon Malaysia dan sehingga ke 10% di dalam pasaran luar pesisir.

Dana Ekuiti Induk Allianz Life (“Dana Ekuiti Induk”) yang bermula pada 13 Jun 2008, merupakan sebuah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk

memaksimumkan pertambahan nilai modal jangka sederhana ke panjang dengan melabur di dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Dividen Induk Allianz Life (“Dana Dividen Induk”) yang bermula pada 13 Jun 2008, merupakan sebuah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan pendapatan yang tetap dan berterusan dan potensi pertumbuhan modal pada jangka sederhana ke panjang dengan melabur terutamanya di dalam sekuriti menghasilkan dividen dan selebihnya di dalam sekuriti pertumbuhan untuk memberikan kenaikan harga pada jangka sederhana ke panjang.

Dana Modal Terjamin Allianz Life (“Dana Modal Terjamin”) yang bermula pada 15 Julai 2008, adalah dana pelaburan perlindungan modal tertutup 5 tahun dengan pelaburan langsung di dalam saham-saham pendapatan tetap tempatan dan saham-saham yang menghasilkan pulangan tinggi serta Amanah Pelaburan Hartanah (“REITs”) di dalam Asia kecuali Jepun. Pelaburan ini memberikan perlindungan modal 100% jika dipegang sehingga tempoh matang.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

1. Kegiatan utama (sambungan)

Dana Bon Allianz Life (“Dana Bon”) yang bermula pada 8 Ogos 2008, merupakan sebuah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang lebih mantap dan peluang pertambahan nilai modal sederhana dengan melabur terutamanya di dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap di dalam pasaran bon Malaysia dan sehingga ke 10% di dalam pasaran luar pesisir.

Dana Padu Allianz Life (“Dana Padu”) yang bermula pada 8 Jun 2009, merupakan sebuah dana pelaburan terbuka yang bertujuan menyediakan pertumbuhan modal sepanjang jangka sederhana ke panjang dengan melabur di dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti yang menuruti Prinsip Syariah, dengan kecenderungan melabur di dalam sekuriti-sekuriti yang menawarkan prospek pemulihan yang besar dan boleh menangani krisis ekonomi.

Dana Ekuiti Dana Induk Allianz Life (“Dana Ekuiti Dana Induk”) yang bermula pada 8 Jun 2009, merupakan sebuah dana pelaburan terbuka yang bertujuan menyediakan pertumbuhan modal sepanjang jangka sederhana ke panjang dengan melabur di dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti

yang menuruti Prinsip Syariah, dengan kecenderungan melabur di dalam sekuriti-sekuriti yang menawarkan prospek pemulihan yang besar dan dapat menangani krisis ekonomi.

Dana Optimix Yield Allianz Life (“Dana Optimix Yield”) yang bermula pada 20 Disember 2010 merupakan sebuah perlindungan modal pelaburan 4 tahun berdenominasikan Australian Dollar dengan pelaburan di dalam Nota Berstruktur yang melibatkan sekuriti-sekuriti pendapatan tetap untuk perlindungan modal dan opsyen berstruktur untuk pertambahan nilai modal sepanjang tempoh Dana tersebut.

Pengurus Dana ialah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (“Pengurus”), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, di mana bidang utama yang diceburinya adalah dalam penaja jaminan insurans hayat dan perniagaan berkaitan pelaburan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

2. Asas penyediaan

(a) Kenyataan pematuhan

Laporan kewangan bagi Dana-dana ini telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards, FRS), seperti yang dipinda mengikut Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menurut Seksyen 90 Akta Insurans, 1996, dasar perakaunan yang diterima umum di dalam Malaysia, Akta Syarikat, 1965 dan Akta Insurans dan Peraturan-peraturan, 1996.

Piawaian perakaunan berikut, pindaan dan tafsirannya yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board, "MASB") tetapi belum berkuatkuasa kepada Dana:

FRS, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa pada tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011

- Pindaan kepada IC Tafsiran 14, Pembayaran Pendahuluan Bagi Keperluan Pendanaan Minimum
- IC Tafsiran 19, Pemataman Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti

FRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa pada tempoh-

tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012

- FRS 124, *Pendedahan Pihak Berkaitan* (dikaji semula)
- Pindaan kepada FRS 1, *Penerima Pakai Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan - Hiperinflasi Teruk dan Penyingkiran Tarikh Tetap Penerima Pakai Kali Pertama*
- Pindaan kepada FRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan - Pemindahan Aset-aset Kewangan*
- Pindaan kepada FRS 112, *Cukai Pendapatan-Cukai Tertunda: Pemulihan Aset-aset Sandaran*

FRS, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa pada tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012

- Pindaan kepada FRS 101, *Pembentangan Laporan Kewangan – Pembentangan Perkara-perkara Pendapatan Komprehensif Lain*

FRS, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa pada tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013

- FRS 10, *Laporan Kewangan Bersepadu*
- FRS 11, *Penyusunan Bersama*
- FRS 12, *Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain*
- FRS 13, *Ukuran Nilai Saksama*
- FRS 119, *Manfaat Pekerja (2011)*
- FRS 127, *Laporan Kewangan Berasingan (2011)*

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

2. Asas penyediaan (sambungan)

(a) Kenyataan pematuhan (sambungan)

- FRS 128, *Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (2011)*
- IC Tafsiran 20, *Kos Pelucutan di dalam Fasa Produksi Permukaan Lombong*
- Pindaan kepada FRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan - Pengimbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan*
- Pindaan kepada FRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan - Tarikh Mandatori FRS 9 dan Pendedahan Peralihan*

FRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa pada tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada FRS 132, *Instrumen Kewangan: Pembentangan - Pengimbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan*

FRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa pada tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015

- FRS 9, *Instrumen Kewangan (2009)*
- FRS 9, *Instrumen Kewangan (2010)*

tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2012 akan disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, “MFRS”) yang dikeluarkan oleh MASB dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards, “IFRSs”). Hasilnya, Dana-dana tersebut tidak akan mengguna pakai FRS, Tafsiran dan pindaan-pindaan di atas.

(b) Asas ukuran

Laporan kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali untuk instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksamanya berdasarkan kaedah-kaedah penilaian yang ditentukan di dalam nota-nota dasar perakaunan masing-masing.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata-penyata kewangan ini dibentangkan di dalam Ringgit Malaysia (“RM”), yang merupakan mata wang fungsian Dana-dana. Kesemua maklumat kewangan yang dibentangkan di dalam RM telah dibulatkan kepada angka ribu yang terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

2. Asas penyediaan (sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata-penyata kewangan memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar-dasar perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran-anggaran dan andaian sandaran dikaji semula pada kadar yang berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf di dalam tempoh apabila anggaran dikaji semula dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

Tiada bahagian-bahagian ketidakpastian anggaran yang penting dan pertimbangan kritikal dalam menggunakan dasar perakaunan yang mempunyai kesan yang paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dihuraikan di dalam Nota 3(b)-Instrumen Kewangan.

3. Dasar perakaunan penting

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten bagi semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian bagi Dana-dana ini pada kadar tukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti monetari yang didenominasikan di dalam mata wang asing pada tempoh laporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran pada tarikh itu.

Aset dan liabiliti bukan monetari yang didenominasikan di dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar tukaran pada tarikh urus niaga kecuali yang diukur pada nilai saksama, yang diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran pada tarikh nilai saksama itu telah ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul ketika terjemahan semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan awal dan ukuran

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam penyata-penyata kewangan apabila, dan hanya bila, Dana-dana menjadi sebelah pihak kepada peruntukan kontraktual bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan pada permulaannya diiktiraf, pada nilai saksamanya ditambah, di dalam keadaan instrumen kewangannya tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos urus niaga yang berpunca secara langsung akibat pemerolehan dan terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf berasingan daripada kontrak induk dan diakaunkan sebagai derivatif jika, dan hanya jika, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, di mana derivatif terbenam

diiktiraf berasingan, dikira sekali selaras dengan polisi yang digunakan terpakai kepada sifat kontrak induk.

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran berikutnya

Dana-dana mengkategorikan dan mengukur instrumen kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai berkesan dan bertanda) atau aset-aset kewangan yang ditandakan khas kepada kategori ini semasa klasifikasi peringkat awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan kepada dan mesti dilangsaikan melalui penghantaran bagi instrumen ekuiti tidak

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran berikutnya (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (sambungan)

tercatat yang mempunyai nilai saksama yang tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos.

Aset-aset kewangan lain yang dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur seterusnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(b) Pelaburan-pelaburan yang dipegang hingga matang

Kategori pelaburan-pelaburan yang dipegang hingga matang

merangkumi instrumen hutang di mana Dana-dana mempunyai niat positif dan berkemampuan untuk memegang sehingga matang.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pelaburan-pelaburan yang dipegang hingga matang diukur seterusnya pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(c) Pinjaman dan belum terima

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak tersiarharga di dalam pasaran aktif dan belum terima lain.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima diukur seterusnya pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Tunai dan setara tunai dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran berikutnya (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

(d) Aset-aset kewangan tersedia untuk jualan

Kategori tersedia-untuk-jualan merangkumi pelaburan di dalam instrumen ekuiti dan sekuriti-sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan.

Pelaburan di dalam instrumen ekuiti yang harga pasarannya tidak dicatatkan pada pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat diukur berdasarkan kos. Aset-aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai tersedia-untuk-jualan kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian penurunan nilai,

keuntungan dan kerugian tukaran asing yang timbul daripada perkara-perkara monetari dan keuntungan dan kerugian item lindung nilai berpunca daripada risiko lindung nilai bagi nilai saksamanya yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Tentang penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan. Faedah yang dihitung untuk instrumen hutang menggunakan kaedah faedah berkuatkuasa diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Kesemua aset-aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, tertakluk kepada semakan semula untuk kemerosotan nilai (Lihat Nota 3(d)).

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran berikutnya (sambungan)

Liabiliti Kewangan

Kesemua liabiliti kewangan pada mulanya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan, derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen perlindungan nilai tetap dan efektif) atau liabiliti kewangan yang ditentukan secara spesifik ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan dan mesti diselesaikan dengan penghantaran instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(iii) Cara biasa membeli atau menjual aset-aset kewangan

Satu cara biasa membeli atau menjual aset kewangan di bawah kontrak yang termanya meliputi penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan wujud secara amnya disebabkan peraturan atau konvensyen di dalam pasaran tertentu.

Cara biasa membeli atau menjual aset-aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, seperti yang terpakai, menggunakan perakaunan tarikh dagangan. Perakaunan tarikh dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset-aset belum terima dan liabiliti pembayaran untuknya pada tarikh dagangan; dan

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iii) Cara biasa membeli atau menjual aset-aset kewangan (sambungan)

- (a) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besar risiko dan faedah aset tersebut. Tentang penyahiktirafan sesebuah aset kewangan, perbezaan di antara amaun yang dibawa dan jumlah balasan diterima (termasuk sebarang aset baru diterima ditolak dengan sebarang liabiliti tertanggung baru) diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dinyahiktirafkan apabila, dan hanya apabila kewajipan yang dinyatakan di dalam kontrak telah dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Mengenai penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun yang dibawa liabiliti kewangan dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti tertanggung, diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(c) Tunai dan setara tunai dan penempatan dengan institusi kewangan

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan institusi kewangan dan pelaburan-pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko tidak ketara terhadap perubahan di dalam nilai dengan tempoh matang asalnya tiga bulan atau kurang. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dibentangkan bersih terhadap overdraf bank dan deposit-deposit yang dijanjikan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(d) Kemosrotan nilai aset-aset kewangan

Aset kewangan

Kesemua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan simpanan tetap dan panggilan) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif mengenai kemosrotan nilai hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai di masa hadapan terhadap aset itu. Kerugian yang dijangka berlaku akibat daripada kejadian di masa hadapan, walau bagaimanapun kebarangkaliannya, tidak diiktiraf. Untuk sebuah instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama sehingga di bawah kosnya merupakan sebuah bukti kukuh kemosrotan nilai. Kerugian kemosrotan nilai dalam aspek pinjaman dan belum terima dan pelaburan-pelaburan yang dipegang hingga matang diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang terdiskaun berdasarkan

kadar faedah efektif asal. Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

Kerugian kemosrotan nilai dalam aspek aset-aset kewangan tersedia-untuk-jualan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara kos perolehan aset (jumlah bersih bayaran pokok dan pelunasan) dan nilai saksama aset semasa, tolak sebarang kerugian kemosrotan nilai yang sebelum ini diiktiraf. Apabila penurunan pada nilai saksama aset kewangan tersedia-untuk-jualan telah diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian kumulatif di dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Kerugian kemosrotan nilai di dalam aspek instrumen ekuiti tak tersierharga yang dibawa pada kos diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara aset amaun bawaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan terdiskaun pada pulangan kadar bagi pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(d) Kemosotan nilai aset-aset kewangan (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

Kerugian kemosotan nilai yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan untuk pelaburan di dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai tersedia-untuk-jualan tidak boleh diterbalikkan melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Jika, di dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian kemosotan nilai tersebut telah diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, kerugian kemosotan nilai disongsangkan ke tahap amaun bawaan aset tidak melebihi apa yang akan terjadi pada amaun bawaan jikalau kemosotan nilai tidak diiktiraf pada tarikh kemosotan nilai diterbalikkan. Jumlah penyongsangan ini diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(e) Penciptaan unit

Penciptaan unit mewakili pembayaran premium oleh para pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran-bayaran kemudiannya untuk meningkatkan amaun pada kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berasaskan penerimaan.

(f) Pembatalan unit

Pembatalan unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

(g) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan, menggunakan kaedah faedah berkesan kecuali apabila pelaburan-pelaburan berfaedah dianggap tidak menunjukkan prestasi, contohnya, apabila pembayaran semula tertunggak lebih daripada enam bulan, yang mana pengiktirafan faedah tersebut digantung. Berikutan daripada penggantungan, pendapatan faedah diiktiraf pada asas penerimaan sehingga kesemua tunggakan dilangsaikan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

3. Dasar perakaunan penting (sambungan)

(h) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran yang telah ditentukan, yang mana sekuriti tersiarharga adalah tarikh tanpa dividen.

(i) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata-penyata pendapatan dan perbelanjaan kecuali setakat yang ia berkaitan dengan butiran yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, yang dalam hal ini ia diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka perlu dibayar ke atas pendapatan boleh cukai bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh terakhir pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah kunci kira-kira, memberi peruntukan untuk perbezaan sementara di antara amaun bawaan aset dan liabiliti bagi tujuan percukaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam sesebuah urusan niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan yang memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh cukai (kerugian cukai). Cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan digunakan ke atas perbezaan sementara apabila disongsangkan, berasaskan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh terakhir pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan boleh didapati yang mana perbezaan sementara boleh digunakan untuknya. Aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan faedah cukai yang berkaitan akan terealisasi.



Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

4. Sekuriti ekuiti tersiarharga

| 2011 | Dana Pertum- buan Dinamik (RM 000) | Dana Capital Protected II (RM 000) | Dana Ekuiti Induk (RM 000) | Dana Dividen Induk (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) | Dana Ekuiti Dana Induk (RM 000) |
|--|--|---|-------------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------|---|
| Sekuriti ekuiti korporat tersiarharga di Malaysia, pada kos | 35,215 | 1,875 | 85,302 | 16,273 | 2,806 | 1,153 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | 4,620 | 83 | 5,520 | 1,018 | 140 | 64 |
| Pada nilai saksama | 39,835 | 1,958 | 90,822 | 17,291 | 2,946 | 1,217 |
| Diwakili mengikut sektor: | | | | | | |
| Pasaran Utama | | | | | | |
| Hartanah | - | - | - | - | - | 36 |
| Pembinaan | 452 | 254 | 3,009 | 396 | 367 | 78 |
| Barangan pengguna | 730 | - | 2,602 | 670 | - | - |
| Produk perindustrian | 3,888 | - | 9,327 | 1,830 | - | 217 |
| Infrastruktur | 2,018 | - | 3,997 | 466 | - | 87 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 16,306 | 906 | 36,102 | 7,045 | 1,370 | 653 |
| Kewangan | 13,410 | 798 | 29,262 | 5,674 | 1,209 | - |
| Perladangan | 3,031 | - | 6,523 | 1,210 | - | 146 |
| Pada nilai saksama | 39,835 | 1,958 | 90,822 | 17,291 | 2,946 | 1,217 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

4. Sekuriti ekuiti tersiarharga (sambungan)

| 2010 | Dana Pertum- buhan Dinamik (RM 000) | Dana Capital Protected II (RM 000) | Dana Ekuiti Induk (RM 000) | Dana Dividen Induk (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) | Dana Ekuiti Dana Induk (RM 000) |
|--|---|---|-------------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------|---|
| Sekuriti ekuiti korporat tersiarharga di Malaysia, pada kos | 32,460 | 4,930 | 62,727 | 13,307 | 7,492 | 590 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | 6,136 | 77 | 4,818 | 1,079 | 117 | 16 |
| Pada nilai saksama | 38,596 | 5,007 | 67,545 | 14,386 | 7,609 | 606 |
| Diwakili mengikut sektor: | | | | | | |
| Pasaran Utama | | | | | | |
| Hartanah | 1,965 | 377 | 6,104 | 1,272 | 613 | 72 |
| Pembinaan | 877 | 255 | 5,403 | 1,087 | 361 | 100 |
| Barangan pengguna | – | 175 | 1,118 | 236 | 256 | 23 |
| Produk perindustrian | 3,245 | 364 | 2,628 | 530 | 558 | 80 |
| Infrastruktur | – | – | – | – | – | 25 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 16,920 | 2,102 | 29,096 | 6,012 | 3,269 | 276 |
| Kewangan | 12,679 | 1,536 | 18,521 | 4,158 | 2,029 | – |
| Perladangan | 2,910 | 198 | 4,675 | 1,091 | 523 | 30 |
| Pada nilai saksama | 38,596 | 5,007 | 67,545 | 14,386 | 7,609 | 606 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

5. Sekuriti Kerajaan Malaysia

| 2011 | Dana Bon Induk (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|--|----------------------------------|---------------------------------------|
| Sekuriti Kerajaan Malaysia, pada kos | 6,704 | 3,501 |
| Pelunasan premium | (9) | (1) |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | 25 | 82 |
| Pada nilai saksama | 6,720 | 3,582 |

| 2010 | Dana Bon Induk (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|--|----------------------------------|---------------------------------------|
| Sekuriti Kerajaan Malaysia, pada kos | – | 3,501 |
| Pelunasan premium | – | (1) |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | – | 93 |
| Pada nilai saksama | – | 3,593 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

6. Bon korporat

| 2011 | Dana Pulangan Terjamin (RM 000) | Dana Capital Protected II (RM 000) | Dana Bon Induk (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|---|---------------------------------|------------------------------------|-------------------------|------------------------------|
| Bon korporat tersiarharga tidak terjamin dalam Malaysia, pada kos | – | – | – | – |
| Pertambahan daripada diskaun | – | – | – | – |
| Kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | – | – | – | – |
| Pada nilai saksama | – | – | – | – |
| Bon korporat tak tersiarharga tidak terjamin dalam Malaysia, pada kos | – | 8,986 | 42,110 | 13,082 |
| Pertambahan daripada diskaun | – | 21 | – | – |
| Pelunasan premium | – | (6) | (33) | (52) |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | – | 103 | 779 | 253 |
| Pada nilai saksama | – | 9,104 | 42,856 | 13,283 |
| Jumlah bon korporat di Malaysia, pada nilai saksama | – | 9,104 | 42,856 | 13,283 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

6. Bon korporat (sambungan)

| 2010 | Dana Pulangan Terjamin (RM 000) | Dana Capital Protected II (RM 000) | Dana Bon Induk (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|---|---------------------------------|------------------------------------|-------------------------|------------------------------|
| Bon korporat tersiarharga tidak terjamin dalam Malaysia, pada kos | 496 | – | 121 | – |
| Pertambahan daripada diskaun | 130 | – | 77 | – |
| Kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | (38) | – | (11) | – |
| Pada nilai saksama | 588 | – | 187 | – |
| Bon korporat tak tersiarharga tidak terjamin dalam Malaysia, pada kos | 3,802 | 11,899 | 29,485 | 13,082 |
| Pertambahan daripada diskaun | 1 | 31 | 23 | – |
| Pelunasan premium | (94) | (4) | (129) | (33) |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | 34 | 188 | 504 | 357 |
| Pada nilai saksama | 3,743 | 12,114 | 29,883 | 13,406 |
| Jumlah bon korporat di Malaysia, pada nilai saksama | 4,331 | 12,114 | 30,070 | 13,406 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

7. Bank Pembangunan Multilateral

| 2011 | Dana Bon Induk (RM 000) |
|---|----------------------------------|
| Bank Pembangunan Multilateral, pada kos | 3,500 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | 114 |
| Pada nilai saksama | 3,614 |

| 2010 | Dana Bon Induk (RM 000) |
|---|----------------------------------|
| Bank Pembangunan Multilateral, pada kos | 3,500 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | 12 |
| Pada nilai saksama | 3,512 |

8. Sijil deposit boleh niaga

| 2011 | Dana Ekuiti (RM 000) | Dana Terurus (RM 000) |
|---|----------------------------|-----------------------------|
| Sijil deposit boleh niaga, pada kos | – | – |
| Pelunasan premium | – | – |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | – | – |
| Pada nilai saksama | – | – |

| 2010 | Dana Ekuiti (RM 000) | Dana Terurus (RM 000) |
|--|----------------------------|-----------------------------|
| Sijil deposit boleh niaga, pada kos | 171 | 286 |
| Pelunasan premium | (21) | (35) |
| Kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | – | – |
| Pada nilai saksama | 150 | 251 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

9. Deposit berstruktur

| 2011 | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|---|------------------------------|
| Deposit berstruktur, pada kos | |
| Bank-bank berlesen | 2,000 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | 32 |
| | 2,032 |

| 2010 | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|---|------------------------------|
| Deposit berstruktur, pada kos | |
| Bank-bank berlesen | 2,000 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | 101 |
| | 2,101 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

10. Nota-nota Berstruktur

| 2011 | Dana Optimix Yield (RM 000) |
|--|--------------------------------------|
| Nota-nota Berstruktur, pada kos | 28,558 |
| Pertambahan daripada diskaun | 266 |
| Kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | (1,627) |
| | 27,197 |
| | 27,197 |
| 2010 | Dana Optimix Yield (RM 000) |
| Nota-nota Berstruktur, pada kos | 27,857 |
| Pertambahan daripada diskaun | – |
| Kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | (937) |
| | 26,920 |
| | 26,920 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

11. Simpanan tetap dan panggilan

| 2011 | Dana Pulangan Terjamin (RM 000) |
|--------------------------------------|---------------------------------|
| Simpanan tetap dan panggilan dengan: | |
| Bank-bank berlesen | - |
| | - |
| | |
| 2010 | Dana Pulangan Terjamin (RM 000) |
| Simpanan tetap dan panggilan dengan: | |
| Bank-bank berlesen | 153 |
| | 153 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

12. Pelaburan-pelaburan lain

| 2011 | Dana Global High Payout (RM 000) | Dana Asia Multi-Income PLUS (RM 000) | Dana Capital Protected II (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
|---|---|---|---|---|
| Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) tersiarharga di Malaysia, pada kos | – | – | 153 | 235 |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | – | – | 10 | 15 |
| | – | | | |
| Pada nilai saksama | – | – | 163 | 250 |
| Unit amanah asing tak tersiarharga, pada kos | 17,933 | 2,626 | – | – |
| (Kerugian)/Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (4,921) | 474 | – | – |
| Kerugian tak terealisasi tukaran asing | (852) | (296) | – | – |
| Pada nilai saksama | 12,160 | 2,804 | – | – |
| Jumlah pelaburan-pelaburan lain, pada nilai saksama | 12,160 | 2,804 | 163 | 250 |
| 2010 | Dana Global High Payout (RM 000) | Dana Asia Multi-Income PLUS (RM 000) | Dana Capital Protected II (RM 000) | Dana Modal Terjamin (RM 000) |
| Unit amanah asing tak tersiarharga, pada kos | 20,930 | 4,234 | – | – |
| (Kerugian)/Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (4,498) | 926 | – | – |
| Kerugian tak terealisasi tukaran asing | (1,833) | (654) | – | – |
| Pada nilai saksama | 14,599 | 4,506 | – | – |
| Jumlah pelaburan-pelaburan lain, pada nilai saksama | 14,599 | 4,506 | – | – |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

13. Aset dan liabiliti cukai tertunda

Liabiliti cukai tertunda yang diiktiraf

| | Liabiliti | |
|---|------------------|------------------|
| | 2011 (RM 000) | 2010 (RM 000) |
| Dana Pertumbuhan Dinamik | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (370) | (491) |
| Dana Asia Multi-IncomePLUS | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (14) | (22) |
| Dana Capital Protected II | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (16) | (22) |
| Dana Bon Induk | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (73) | (40) |
| Dana Ekuiti Induk | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (442) | (385) |
| Dana Dividen Induk | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (81) | (86) |
| Dana Modal Terjamin | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (42) | (53) |
| Dana Ekuiti Dana Induk | | |
| Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama | (5) | (1) |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

13. Aset dan liabiliti cukai tertunda (sambungan)

Aset cukai tertunda tak diiktiraf

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf mengikut perkara-perkara berikut:

| | 2011 (RM 000) | 2010 (RM 000) |
|--|------------------|------------------|
| Dana Global High Payout | | |
| Kerugian yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama | 4,921 | 4,498 |
| Kerugian tak terealisasi tukaran asing | 852 | 1,833 |
| | 5,773 | 6,331 |

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf kerana tidak mungkin faedah daripada keuntungan boleh cukai masa hadapan boleh digunakan oleh dana-dana ini.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi

| | 2011 | | 2010 | |
|---------------------------------|------|-----------------------|-----------------------|---------------|
| | Nota | Unit-unit (RM 000) | Unit-unit (RM 000) | (RM 000) |
| Dana Ekuiti | | | | |
| Pada awal tahun | | 13,360 | 12,445 | 23,510 |
| Dicipta pada tahun | | 3,106 | 2,533 | 7,947 |
| Dibatalkan pada tahun | | (876) | (1,618) | (5,045) |
| | | 15,590 | 13,360 | 26,412 |
| Dana Terurus | | | | |
| Pada awal tahun | | 16,621 | 11,340 | 27,348 |
| Dicipta pada tahun | | 9,041 | 6,404 | 22,313 |
| Dibatalkan pada tahun | | (989) | (1,123) | (3,887) |
| | | 24,673 | 16,621 | 45,774 |
| Guaranteed Income Fund | | | | |
| Pada awal tahun | | – | 27,439 | 25,800 |
| Dibatalkan pada tahun | | – | (27,439) | (25,800) |
| | | – | – | – |
| Dana Pertumbuhan Dinamik | | | | |
| Pada awal tahun | | 29,786 | 34,017 | 45,402 |
| Dicipta pada tahun | | 3,050 | 3,135 | 4,077 |
| Dibatalkan pada tahun | | (3,886) | (7,366) | (9,677) |
| | | 28,950 | 29,786 | 39,802 |
| Dana Tunai | | | | |
| Pada awal tahun | | 1,177 | 1,385 | 1,363 |
| Dibatalkan pada tahun | | (363) | (208) | (232) |
| | | 814 | 1,177 | 1,131 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

| | 2011 | | 2010 | |
|-----------------------------------|------|-----------------------|-----------------------|---------------|
| | Nota | Unit-unit (RM 000) | Unit-unit (RM 000) | (RM 000) |
| Dana Pendapatan Ekuiti | | | | |
| Pada awal tahun | | 16,135 | 13,853 | 2,794 |
| Dicipta pada tahun | | 5,227 | 4,298 | 5,859 |
| Dibatalkan pada tahun | | (1,278) | (2,016) | (3,747) |
| | | 20,084 | 16,135 | 4,906 |
| Dana Capital Protected | | | | |
| Pada awal tahun | | – | 15,010 | 12,026 |
| Dicipta pada tahun | | – | – | 6 |
| Dibatalkan pada tahun | | – | (15,010) | (12,032) |
| | | – | – | – |
| Dana Global High Payout | | | | |
| Pada awal tahun | | 20,567 | 25,139 | 22,703 |
| Dibatalkan pada tahun | | (2,578) | (4,572) | (3,189) |
| | | 17,989 | 20,567 | 19,514 |
| Dana Pulangan Terjamin | | | | |
| Pada awal tahun | | 4,890 | 5,022 | 4,830 |
| Dibatalkan pada tahun | | (4,890) | (132) | (163) |
| | | – | 4,890 | 4,667 |
| Dana Asia Multi-IncomePLUS | | | | |
| Pada awal tahun | | 4,320 | 7,159 | 7,309 |
| Dibatalkan pada tahun | | (1,691) | (2,839) | (2,901) |
| | | 2,629 | 4,320 | 4,408 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

| | Nota | 2011 | | 2010 | |
|----------------------------------|------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | | Unit-unit | (RM 000) | Unit-unit | (RM 000) |
| Dana Capital Protected II | | | | | |
| Pada awal tahun | | 31,146 | 15,000 | 38,716 | 19,248 |
| Dicipta pada tahun | | – | 3 | – | 5 |
| Dibatalkan pada tahun | | (5,177) | (3,094) | (7,570) | (4,253) |
| | | 25,969 | 11,909 | 31,146 | 15,000 |
| Dana Bon Induk 14.1 | | | | | |
| Pada awal tahun | | 32,771 | 34,404 | 21,370 | 21,826 |
| Dicipta pada tahun | | 15,358 | 17,834 | 11,849 | 13,078 |
| Dibatalkan pada tahun | | – | – | (448) | (500) |
| | | 48,129 | 52,238 | 32,771 | 34,404 |
| Diwakili oleh: | | | | | |
| Dana Terurus | | 37,379 | 40,652 | 25,148 | 26,455 |
| Dana Pendapatan Ekuiti | | 6,303 | 6,611 | 5,414 | 5,584 |
| Dana Bon | | 4,447 | 4,975 | 2,209 | 2,365 |
| | | 48,129 | 52,238 | 32,771 | 34,404 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

| | Nota | 2011 | | 2010 | |
|---------------------------|------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | | Unit-unit | (RM 000) | Unit-unit | (RM 000) |
| Dana Ekuiti Induk | 14.2 | | | | |
| Pada awal tahun | | 42,921 | 47,205 | 36,955 | 38,661 |
| Dicipta pada tahun | | 27,399 | 44,792 | 33,671 | 48,644 |
| Dibatalkan pada tahun | | (16,775) | (27,200) | (27,745) | (40,100) |
| | | 53,545 | 64,797 | 42,921 | 47,205 |
| Diwakili oleh: | | | | | |
| Dana Ekuiti | | 29,162 | 33,407 | 25,915 | 28,111 |
| Dana Terurus | | 24,383 | 31,390 | 17,006 | 19,094 |
| | | 53,545 | 64,797 | 42,921 | 47,205 |
| Dana Dividen Induk | 14.3 | | | | |
| Pada awal tahun | | 9,648 | 10,325 | 9,600 | 10,283 |
| Dicipta pada tahun | | 5,600 | 8,849 | 9,672 | 13,162 |
| Dibatalkan pada tahun | | (4,663) | (7,200) | (9,624) | (13,120) |
| | | 10,585 | 11,974 | 9,648 | 10,325 |
| Diwakili oleh: | | | | | |
| Dana Pendapatan Ekuiti | | 10,585 | 11,974 | 9,648 | 10,325 |
| | | 10,585 | 11,974 | 9,648 | 10,325 |

Nota-nota

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

| | Nota | 2011 | | 2010 | |
|-------------------------------|------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| | | Unit-unit | (RM 000) | Unit-unit | (RM 000) |
| Dana Modal Terjamin | | | | | |
| Pada awal tahun | | 47,580 | 23,144 | 55,097 | 27,365 |
| Dicipta pada tahun | | – | 4 | – | 4 |
| Dibatalkan pada tahun | | (8,193) | (4,916) | (7,517) | (4,225) |
| | | 39,387 | 18,232 | 47,580 | 23,144 |
| Dana Bon | | | | | |
| Pada awal tahun | | 2,524 | 2,503 | 1,448 | 1,405 |
| Dicipta pada tahun | | 2,895 | 3,080 | 1,330 | 1,356 |
| Dibatalkan pada tahun | | (285) | (302) | (254) | (258) |
| | | 5,134 | 5,281 | 2,524 | 2,503 |
| Dana Padu | | | | | |
| Pada awal tahun | | 937 | 1,001 | 352 | 352 |
| Dicipta pada tahun | | 1,444 | 1,773 | 638 | 944 |
| Dibatalkan pada tahun | | (233) | (283) | (60) | (295) |
| | | 2,148 | 2,491 | 937 | 1,001 |
| Dana Ekuiti Dana Induk | | | | | |
| | 14.4 | | | | |
| Pada awal tahun | | 466 | 561 | 185 | 198 |
| Dicipta pada tahun | | 906 | 1,400 | 1,240 | 1,603 |
| Dibatalkan pada tahun | | (590) | (905) | (959) | (1,240) |
| | | 782 | 1,056 | 466 | 561 |
| Diwakili oleh: | | | | | |
| Dana Padu | | 782 | 1,056 | 466 | 561 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

| | 2011 | | 2010 | | |
|---------------------------|------|-----------------------|-----------------------|--------------|---------------|
| | Nota | Unit-unit (RM 000) | Unit-unit (RM 000) | (RM 000) | |
| Dana Optimix Yield | | | | | |
| Pada awal tahun | | 9,045 | 27,785 | – | – |
| Dicipta pada tahun | | – | – | 9,045 | 27,785 |
| Dibatalkan pada tahun | | (22) | (1,579) | – | – |
| | | 9,023 | 26,206 | 9,045 | 27,785 |

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

14.1 Dana Bon Induk (“MBF”)

MBF ditubuhkan untuk beroperasi sebagai kenderaan pelaburan bon berpusat kepada Dana. Ia mempunyai nilai aset bersih (net asset value, “NAV”) sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif menubuhkan MBF adalah untuk menggabungkan kesemua dana yang mempunyai pendedahan kepada bon-bon pelaburan. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Bon-bon pelaburan di dalam Dana Terurus (“MF”), Dana Pendapatan Ekuiti (“EIF”), dan Dana Bon (“BF”) telah digabungkan di dalam MBF. MF, EIF dan BF memindahkan NAV daripada pelaburan bon mereka kepada MBF pada kadar NAV sebanyak RM1.00 seunit pada tarikh MBF bermula.

MF, EIF dan BF tidak terlibat dalam pelaburan bon secara langsung selepas pemindahan bon-bon tersebut ke MBF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MBF. Mana-mana pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MBF oleh MF, EIF dan BF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MBF pada tarikh urus niaga.

14.2 Dana Ekuiti Induk (“MEF”)

MEF diadakan untuk beroperasi sebagai kenderaan pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ianya mempunyai NAV sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif mengadakan MEF adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan seperti ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Pelaburan-pelaburan ekuiti di dalam Dana Ekuiti (“EF”) dan MF digabungkan di dalam MEF. EF dan MF memindahkan NAV daripada pelaburan ekuiti mereka kepada MEF pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh MEF bermula.

MF dan EF tidak terlibat di dalam pelaburan-pelaburan ekuiti secara langsung selepas pemindahan ekuiti-ekuiti tersebut ke MEF tetapi sebaliknya memegang unit di dalam MEF. Mana-mana pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MEF oleh MF dan EF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MEF pada masa urus niaga.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

14. Modal pemegang polisi (sambungan)

14.3 Dana Dividen Induk (“MDF”)

MDF diadakan untuk beroperasi sebagai kenderaan pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ianya mempunyai NAV sendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif mengadakan MDF adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan seperti ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti di dalam EIF telah digabungkan di dalam MDF. EIF memindahkan NAV daripada pelaburan ekuitinya kepada MDF dengan kadar sebanyak RM1.00 seunit pada tarikh MDF bermula.

